

1002- MEKANISME ISTINBAT BERASASKAN MAQĀSID SYARI'AH : ANALISIS 10 FATWA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IBNOR AZLI IBRAHIM

Faculty of Syariah and Law
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
azli.ibrahim@unissa.edu.bn

MAS REDUAN BIN HAJI JUMAT

Faculty of Syariah and Law
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
reduan.jumat@gmail.com

ABSTRAK

Mazhab Syāfi'ī merupakan mazhab yang menjadi pegangan rasmi dan amalan beragama di Negara Brunei Darussalam. Mazhab Syāfi'ī merupakan mazhab yang diutamakan dengan mendahulukan qaul mu'tamad sebagai asas pertimbangan penetapan fatwa. Jika perkara itu boleh menjejaskan kepentingan umum maka fatwa masih ditetapkan berdasarkan Mazhab Syāfi'ī dengan berpandukan kepada qaul dha'if, atau pendapat-pendapat dalam Mazhab Ḥanafī, Mālikī atau Ḥanbalī. Ini menunjukkan bahawa elemen memelihara kepentingan atau maslahat yang berkaitan dengan masyarakat umum amat memberi impak dalam penentuan suatu hukum atau fatwa yang hendak dikeluarkan. Bermakna di sini, fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Brunei turut mengambil kira aspek memelihara maqāsid Syari'ah. Ini kerana memelihara kepentingan umum termasuk dalam kerangka maqāsid Syari'ah. Kajian ini akan melihat bagaimana maqasid syariah digunakan dalam istinbat yang diamalkan oleh kefatwaan Brunei Darussalam di samping mengenalpasti pemeliharaan masalah tempatan ketika fatwa di keluarkan. Kajian ini menggunakan kaedah keperustakaan dengan meneliti dokumen-dokumen berkaitan fatwa di Brunei Darussalam dan pemikiran maqasidi yang mempengaruhi istinbat kontemporari hari ini. Kajian ditumpukan kepada analisis 10 fatwa terpilih yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negara Brunei Darussalam. Kajian ini mendapati bahawa kefatwaan Brunei Darussalam amat berhemah dalam menentukan sesuatu hukum. Kepentingan serantau diambil kira dalam kefatwaan disamping menjadikan Mazhab Syafi'i sebagai asas pengeluaran fatwa. Meskipun terdapat beberapa fatwa yang dikeluarkan berbeza dengan beberapa negara anggota ASEAN, namun ia telah memperlihatkan bagaimana Brunei memelihara tradisi budaya mereka di bawah payung MIB (Melayu Islam Beraja) melalui fatwa yang dikeluarkan.

Kata kunci: *maqāsid Syari'ah, pemikiran maqāsidī, fatwa, Brunei Darussalam.*

Institusi Fatwa Di Negara Brunei Darussalam

Bidang kefatwaan di Negara Brunei Darussalam telah diinstitusikan secara rasmi oleh pihak Kerajaan di bawah peruntukan Undang-Undang No. 20 Tahun 1955. Institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam mula ditubuhkan secara rasmi pada 1 April 1962. Dengan penubuhan itu juga Mufti Kerajaan Brunei pertama dilantik. Pemikiran penubuhan tersebut bermula apabila Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Negeri Brunei ke dua puluh lapan, sendiri menitahkan sebagaimana warkah baginda kepada Menteri Besar Brunei bertarikh 24 Januari 1961:

“Amatlah susah bagi yang sudah kita telah alami jika terbit satu masalah yang bersabit dengan agama Islam jika sebuah negara Islam yang merasmikan agama Islam yang diakui suci tidak mempunyai seorang ulama yang benar-benar akan bertugas memberatkan atau mengambil berat sama ada dalam memberi fatwa-fatwa dan menghuraikan peraturan dan hukum-hukum dan lain untuk kesentosaan rakyat umat Brunei dan negeri itu.”

Apabila Mufti Kerajaan Brunei pertama dilantik, pentadbiran bidang kefatwaan diletakkan di bawah salah satu bahagian dari Jabatan Hal Ehwal Ugama iaitu Bahagian Fatwa. Pada 21 Oktober 1986, apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaikkan tarafnya menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian Fatwa diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Syariah yang merupakan sebuah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bermula 07 November 1994, bidang kefatwaan di Negara Brunei Darussalam mengalami arus perkembangan apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah perintah supaya ditubuhkan sebuah jabatan yang digelar Jabatan Mufti Kerajaan. Jabatan berkenaan merupakan sebuah jabatan berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala Mufti Kerajaan bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyembahkan apa juga perkara yang berkaitan dengan tugas-tugas sebagai Mufti Kerajaan.

Dalam perkembangan lain, pada 15 Rabiulakhir 1426 bersamaan 24 Mei 2005, jawatan Mufti Kerajaan telah dinaikkan menjadi bertaraf Menteri Kabinet.

Semenjak bidang kefatwaan diinstitusikan di Negara Brunei Darussalam, setakat ini jawatan Mufti Kerajaan disandang oleh dua orang tokoh ulama iaitu:

- i. Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Beliau dilantik menjadi Mufti Kerajaan Brunei sebanyak dua kali. Lantikan pertama ialah bermula pada 1 April 1962 sehingga 31 Mac 1965. Kemudian beliau diperkenankan untuk berkhidmat semula pada 8 Mac 1967 sehingga beliau meninggal dunia pada 03 Februari 1993.
- ii. Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Beliau dilantik menjadi Mufti Kerajaan Brunei pada 1 September 1994 sehingga sekarang (Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, 2015; Haji Japar, 2011).

Semenjak bidang kefatwaan diinstitusikan di Negara Brunei Darussalam juga, sehingga sekarang ia menjadi sebuah jabatan iaitu Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Mufti Kerajaan diberi kuasa untuk mengeluarkan fatwa terhadap apa-apa jua permasalahan yang memerlukan pandangan Syara' yang diajukan kepadanya. Permasalahan yang diajukan itu datang dari pelbagai pihak. Adakalanya datang dari pihak kerajaan, swasta, organisasi atau persendirian. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan itu pula sebilangannya bukan setakat untuk menjawab persoalan yang diajukan malahan turut dijadikan sebagai panduan dan dasar dalam pentadbiran negara (Haji Japar, 2011).

Dasar Dan Metod Pengeluaran Fatwa Mufti Kerajaan NBD

Mazhab Syāfi'ī merupakan mazhab yang menjadi pegangan rasmi dan amalan beragama di Negara Brunei Darussalam. Ini jelas sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 yang memperuntukkan:

“Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi’i.”

Selaras dengan itu, penetapan suatu fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan di Negara Brunei Darussalam pada dasarnya adalah menurut Mazhab Syāfi’ī. Menurut bab 43 (1) dari Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Panggal 77 bahawa penetapan fatwa hendaklah mengikut pendapat para fuqaha’ dalam Mazhab Syāfi’ī dengan mengutamakan *qaul mu’tamad*. Jika difikirkan dengan mengikut *qaul mu’tamad* sedemikian akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah yang sebaliknya, mengikut *qaul dha’if* daripada Mazhab Syāfi’ī.

Jika difikirkan bahawa dalam mengikut *qaul mu’tamad* atau *qaul dha’if* daripada Mazhab Syāfi’ī akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengikut *qaul* daripada mana-mana tiga lagi mazhab yang dianggap bersesuaian. Mana-mana fatwa yang dikeluarkan sedemikian, segala syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikuti hendaklah dibentangkan dengan keterangan dan penjelasan penuh (Negara Brunei Darussalam, 1956).

Akta di atas merupakan asas yang penting bagi menjelaskan metode penetapan fatwa di Negara Brunei Darussalam. Berdasarkan akta tersebut, Mazhab Syāfi’ī merupakan mazhab yang diutamakan dengan mendahulukan *qaul mu’tamad* sebagai asas pertimbangan penetapan fatwa. Jika perkara itu boleh menjejaskan kepentingan umum maka fatwa masih ditetapkan berdasarkan Mazhab Syāfi’ī dengan berpandukan kepada *qaul dha’if*. Jika perkara itu juga boleh menjejaskan kepentingan umum maka barulah fatwa boleh ditetapkan berdasarkan pendapat-pendapat dalam Mazhab Ḥanafī, Mālikī atau Ḥanbalī.

Satu perkara yang elok diberi perhatian di sini ialah suatu fatwa yang hendak ditetapkan sama ada berdasarkan *qaul mu’tamad* ataupun berdasarkan *qaul dha’if* hendaklah perkara itu tidak menyebabkan kepentingan umum menjadi terjejas. Ini menunjukkan bahawa elemen memelihara kepentingan atau maslahat yang berkaitan dengan masyarakat umum amat memberi impak dalam penentuan suatu hukum atau fatwa yang hendak dikeluarkan. Bermakna di sini, fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Brunei turut mengambil kira aspek memelihara *maqāṣid* Syari’ah. Ini kerana memelihara kepentingan umum termasuk dalam kerangka *maqāṣid* Syari’ah.

Dari sudut pandang yang lain, dasar penetapan fatwa tersebut tentunya lahir dari pemikiran para penggubal dasar dan *muftahid* yang memiliki pola pemikiran *maqāṣidī*, atau dengan kata yang lain, para penggubal dasar dan *muftahid* yang menghasratkan supaya fatwa atau hukum yang bakal dihasilkan sentiasa mendatangkan maslahat selaras dengan kerangka *maqāṣid* Syari’ah.

Analisis Pengaplikasian *Maqāṣid* Syari’ah Dalam Fatwa Mufti Kerajaan NBD

Sebagaimana yang telah dijelaskan, bahawa fatwa atau hukum yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Brunei turut mengambil kira aspek memelihara *maqāṣid* Syari’ah. Sehubungan dengan itu, perbincangan ini akan menganalisis fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Brunei dari aspek pendekatan *maqāṣid* Syari’ah yang diambil dalam mempertimbangkan dan menetapkan suatu

fatwa. Penganalisaan hanya akan difokuskan kepada beberapa fatwa Mufti Kerajaan Brunei yang terpilih yang dikeluarkan dalam tempoh tahun 2011 hingga 2020.

Berikut adalah beberapa contoh fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Brunei yang dilihat boleh memberi gambaran bagaimana pendekatan yang diambil oleh Mufti Kerajaan Brunei dari aspek mengambil kira *maqāṣid* Syari'ah dalam penetapan suatu hukum atau fatwa:

Fatwa 1: Menambah Nama Ayah Anak Angkat Selepas Nama Anak Angkat
(Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2013a)

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu menambah nama ayah angkat selepas nama anak angkat. Sebagai contoh:

- Nama ayah angkat: Awang Haji Effendi bin Haji Abdullah.
- Nama anak angkat: Nyla Habriyah binti Abdullah.
- Nama selepas dimasukkan nama ayah angkat selepas nama angkat: Nyla Habriyah Effendi binti Abdullah.

Bagi menjawab persoalan tersebut, beliau menetapkan bahawa perbuatan tersebut tidak dibenarkan.

Setelah meneliti ketetapan hukum yang diberikan oleh Mufti Kerajaan Brunei, jelas ketetapan itu mengambil kira sudut pandang *maqāṣid* Syari'ah. Ini dapat dilihat ketika beliau mengemukakan hujjah, selain berhujjah dengan Hadith-hadits Nabi *ṣallallāhu 'alaihi wasallam* dan pendapat-pendapat para ulama, beliau juga mengemukakan sebab-sebab ia tidak diharuskan iaitu kerana perkara itu boleh menimbulkan kekeliruan dan kesamaran nasab anak angkat tersebut. Hujjah yang dikemukakan ini jelas sekali termasuk dalam kerangka menjaga *maqāṣid* Syari'ah dari sisi menjaga pertalian nasab atau keturunan.

Di samping itu, Mufti Kerajaan Brunei turut mengemukakan hujjah yang selaras dengan kaedah (سَدُّ الدَّرَبَةِ). Perkara ini dapat difahami dari naratif hujjah Mufti Kerajaan Brunei yang berbunyi: "Ia bukan sahaja akan membuka pintu ke arah perbuatan menipu keturunan tetapi juga manusia sekaliannya jika digunakan dalam pelbagai urusan". Kaedah ini termasuk dalam kelompok dalil-dalil *al-taba'iyah*. Antara ciri-ciri fatwa yang mengambil kira *maqāṣid* Syari'ah ialah fatwa yang mengambil kira sumber-sumber hukum atau dalil-dalil *al-taba'iyah* sebagai hujjah. Menurut Dr. Nasibah (1433/2012), kaedah ini merupakan antara asas yang penting dalam memelihara pelbagai maslahat dan menolak kerosakan.

Fatwa 2: Pembinaan Sekolah Agama Di Atas Tapak Tanah Dan Bangunan Sekolah Ugama Surau Kampong Kiulap (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2013b).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu meroboh bangunan Sekolah Ugama Surau Kampong Kiulap yang dibina hasil kutipan derma orang ramai bagi tujuan membina sekolah agama baru di atas tapak tanah Sekolah Ugama tersebut. Dalam menjawab persoalan ini, beliau menjelaskan bahawa isu ini mempunyai kaitan dengan isu yang pernah difatwakan sebelum ini iaitu mengenai hukum mengubah suai bangunan Surau Kampong Kiulap untuk dijadikan sebagai sekolah ugama. Mengenai hukum mengubahsuai Surau Kampong Kiulap, Mufti Kerajaan Brunei menetapkan fatwa supaya bangunan surau tersebut

tidak diubahsuai, dan dikekalkan sebagai surau bagi mematuhi niat asal orang ramai menderma untuk membangun surau. Tetapi tidak menghalangnya untuk dijadikan sebagai tempat belajar ilmu-ilmu agama. Bagi persoalan meroboh bangunan Sekolah Ugama Surau Kampong Kiulap (asalnya bangunan Surau Kampong Kiulap) pula, Mufti Kerajaan Brunei menetapkan fatwa yang berbeza iaitu perkara itu tidak bercanggah dengan hukum Syara'.

Setelah meneliti ketetapan hukum yang diberikan oleh Mufti Kerajaan Brunei dalam isu ini, jelas menggambarkan adanya ciri-ciri pengaplikasian *maqāsid* Syari'ah dalam ketetapan itu. Ini kerana, ketetapan perubahan dan perbezaan hukum yang dibuat atas faktor perkembangan dan realiti semasa merupakan antara ciri-ciri pengaplikasian *maqāsid* Syari'ah dalam suatu fatwa dari aspek beramal dengan kaedah (تَعْيِيرُ الْفَتْوَى بِتَغْيِيرِ الزَّمَانِ وَالْمَكَانِ وَالْحَالِ). Selain itu, Mufti Kerajaan Brunei dilihat mengambil kira sudut pandang Fiqh *al-wāqi'* dalam membuat pertimbangan dan ketetapan hukum, atau apa yang diistilahkan di sisi ulama Uṣūl sebagai *tahqīq al-manāṭ* (proses penyesuaian hukum dengan realiti). Perkara ini merupakan antara elemen yang penting dalam kerja-kerja *ijtihād* dan *istinbāt* dalam kerangka memelihara *maqāsid* Syari'ah (al-Masāṭi, 10 Mac 2020).

Fatwa 3: Memindah Kubur Lama Dari Kawasan Projek Pembinaan Longkang Konkrit Dan Kolam Penahanan-Tadahan Damuan (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2014).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu memindah kubur lama dari kawasan projek pembinaan longkang konkrit dan kolam penahanan-tadahan Damuan sebelum projek dijalankan. Tujuan projek ialah bagi membantu mengurangkan tahap dan risiko banjir, mengawal kerosakan harta benda kerajaan serta orang awam di kawasan-kawasan berdekatan.

Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan, Mufti Kerajaan Brunei memfatwakan bahawa jika mayat di tanah perkuburan tersebut benar-benar diyakini telah hancur menjadi tanah, maka harus kawasan perkuburan itu digunakan bagi projek yang dimaksudkan tanpa perlu memindahkan kubur tersebut. Sebaliknya, jika didapati mayat-mayat di tanah perkuburan tersebut masih belum hancur keseluruhannya, malahan jika dikekalkan akan menyebabkan kubur-kubur itu menjadi tercemar maka harus bahagian-bahagian mayat yang belum hancur itu dipindahkan dan ditanam semula di tanah perkuburan Islam yang lain.

Setelah meneliti ketetapan hukum yang diberikan oleh Mufti Kerajaan Brunei, jelas ketetapan itu mengambil kira sudut pandang *maqāsid* Syari'ah. Ini dapat dilihat ketika Mufti Kerajaan Brunei mengemukakan sandaran, selain mengemukakan pendapat-pendapat para ulama, beliau juga mengemukakan sudut menjaga maslahat umum. Beliau berhujjah, projek kerajaan tersebut dinilai mempunyai maslahat umum (المَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ) kerana memberi manfaat kepada orang ramai dengan menghindarkan mereka dari kemudaratatan dan kesusahan disebabkan banjir. Manakala mengekalkan kubur-kubur berkenaan termasuk dalam *darūrah* khusus (الضَّرُورَةُ الْخَاصَّةُ) yang hanya berkaitan dengan mayat-mayat di kubur tersebut. Selain itu, beliau juga berhujjah dengan mengemukakan kaedah-kaedah Syara' yang menegaskan tentang keutamaan memelihara maslahat umum mengatasi maslahat khusus. Kaedah-kaedah tersebut ialah:

- الْمَصْلَحَةُ الْكُلِّيَّةُ مُقَدَّمَةٌ عَلَى الْمَصْلَحَةِ الْجُزْئِيَّةِ

- الضَّرَرُ الْخَاصُّ يُتَحَمَّلُ لِدَفْعِ الضَّرَرِ الْعَامِ -

Fatwa 4: Pembedahan Plastik ‘Reconstructive’ Dan Implan Payudara Bagi Bekas Pesakit Kanser Payudara (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2015).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu pembedahan plastik ‘reconstructive’ dan implan payudara bagi bekas pesakit kanser payudara yang telah menjalani mastektomi bagi tujuan kesejahteraan mereka yang memerlukan dari aspek emosi dan fizikal. Dalam menjawab persoalan ini, beliau memfatwakan bahawa apa jua bentuk rawatan pembedahan plastik untuk membentuk semula anggota badan yang rosak atau dibuang bagi tujuan memenuhi kemaslahatan kehidupan manusia, seperti rawatan pembedahan plastik *reconstructive* dan implan payudara hukumnya adalah harus dan tidak bercanggah dengan hukum Syara’.

Melihat kepada ketetapan fatwa yang diberikan oleh Mufti Kerajaan Brunei dalam isu ini, jelas ketetapan itu mengambil kira sudut pandang *maqāṣid* Syari’ah. Ini dapat dilihat dari aspek-aspek berikut:

- Antara dalil yang dikemukakan terdiri dari Ḥadīth Rasulullah *ṣallallāhu ‘alaihi wasallam* yang berkaitan dengan tuntutan menghilangkan kemudaratan:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

(Riwayat Ibn Mājah)

- Turut dikemukakan dua kaedah Fiqh yang termasuk dalam kerangka memelihara *maqāṣid* Syari’ah, iaitu:

- الضَّرَرُ يُزَالُ
- الْحَاجَةُ تُنْزَلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَةِ، عَامَّةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً

- Turut menonjolkan *maqāṣid* Syari’ah yang lima, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
- Adanya penghuraian mengenai pembahagian *maṣlahah*; *maṣlahah darūriyyah*, *maṣlahah ḥājīyyah*, *maṣlahah taḥsīniyyah*.
- Impak maslahat yang ditonjolkan iaitu pesakit-pesakit yang menjalani rawatan berkenaan akan beroleh manfaat dari segi kestabilan emosi, kesempurnaan fizikal, dan seterusnya menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik, tenang tanpa kesukaran.

Fatwa 5: Kelonggaran Berbuka Puasa Bagi Pekerja-Pekerja Yang Bertugas Dalam Pekerjaan Yang Kritikal (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2016).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu kelonggaran berbuka puasa Ramaḍān bagi pekerja-pekerja yang bertugas dalam pekerjaan yang kritikal seperti di bidang

kejuruteraan pengeluaran minyak dan gas yang berkerja berat di bilik-bilik panas ataupun di luar cuaca yang panas. Bagi menjawab persoalan ini, beliau memfatwakan bahawa pekerja-pekerja seperti ini tetap dikehendaki berniat pada malam hari untuk berpuasa pada keesokan harinya. Namun jika mereka tidak mampu untuk meneruskan puasa disebabkan kesusahan yang melampau maka pada ketika itu diharuskan bagi mereka untuk berbuka puasa pada hari berkenaan dengan diqada puasa yang ditinggalkan itu di lain hari.

Ketetapan hukum yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei ini adalah selaras dengan kerangka memelihara *maqāṣid* Syari‘ah. Ini jelas boleh diperhatikan melalui dua aspek berikut:

- Antara dalil yang dikemukakan terdiri dari ayat al-Qur‘ān yang menjelaskan tentang rahmat Allah Ta‘ala kepada hamba-hambanya dengan memberi kemudahan kepada mereka dan tidak menghendaki mereka menanggung kesusahan dalam menjalani ibadat puasa. Firman Allah Ta‘ala (Al-Baqarah, 02:185):

وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ، يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ
الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Tafsirnya: Dan sesiapa yang sakit atau sedang dalam perjalanan (atau pelayaran pada bulan Ramaḍān itu bolehlah dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa pada hari-hari yang lain (sebagai ganti puasa yang ditinggalkan itu). Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan.

- Turut dikemukakan dua kaedah Fiqh yang berkaitan dengan memelihara *maqāṣid* Syari‘ah, iaitu:

– الْمَشَقَّةُ تَجَلِبُ التَّيْسِيرَ
– الضَّرْرُ يُزَالُ

Fatwa 6: Hukum Menghisap Vape (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2018).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai hukum menghisap *vape* atau rokok elektronik. Bagi menjawab persoalan tersebut beliau memfatwakan bahawa penggunaan *vape* adalah haram menurut Syara‘.

Ketetapan hukum yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei dalam isu ini secara jelas termasuk dalam kerangka memelihara *maqāṣid* Syari‘ah. Ini boleh diperhatikan melalui beberapa aspek berikut:

- Antara dalil yang dikemukakan yang terdiri dari ayat al-Qur‘ān dan Hadīth Nabi *ṣallallāhu ‘alaihi wasallam* adalah berkisar mengenai tuntutan menghindari kemudaratan.

Firman Allah Ta‘ala (Al-Baqarah, 02:195):

وَلَا تُفْؤُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Tafsirnya: Dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan.

Sabda Rasulullah *ṣallallāhu ‘alaihi wasallam*:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

(Riwayat Ibn Mājah)

Maksudnya: Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh saling memudaratkan.

- Turut dikemukakan kaedah Syara' yang termasuk dalam kelompok dalil-dalil *al-taba'iyah*, iaitu kaedah (سَدُّ الدَّرَائِعِ). Kaedah ini merupakan antara asas yang penting dalam memelihara pelbagai maslahat dan menolak kerosakan (Nasībah, 1433/2012).

Mufti Kerajaan Brunei menjelaskan, berdasarkan kaedah ini adalah lebih baik perkara-perkara yang terdedah kepada kemudaratkan, kerosakan atau kebinasaan ditutup dengan penetapan hukum haram terhadap penggunaan *vape*.

- Sikap yang diambil oleh Mufti Kerajaan Brunei dalam mendukung memelihara *maṣlahah* kehidupan manusia dan seterusnya menjadikannya sebagai asas untuk mewajarkan pengharaman penggunaan *vape*.

Fatwa 7: Cukai Yang Dikenakan Oleh Kerajaan Ke Atas Bangunan Perniagaan (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2018).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu pemungutan cukai yang dikenakan oleh kerajaan ke atas bangunan perniagaan. Bagi menjawab persoalan tersebut beliau memfatwakan bahawa pelaksanaan pemungutan cukai tidak termasuk dalam tindakan yang bercanggah dengan kehendak hukum Syara' secara mutlak. Dengan syarat ia diurus mengikut sukat-sukat (*dawābiṭ*) Syara' dan dilaksanakan atas dasar mengambil kira maslahat umum negara tanpa menyebabkan berlakunya kezaliman.

Ketetapan hukum yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei dalam isu ini amat ketara mengambil kira sudut pandang *maqāṣid* Syari'ah. Ini boleh diperhatikan melalui beberapa aspek berikut:

- Alasan utama pengharusan pemungutan cukai di Negara Brunei Darussalam termasuk pemungutan cukai dalam konteks persoalan yang diajukan adalah atas dasar *maṣlahah*.
- Hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh Mufti Kerajaan Brunei bagi menyokong ketetapan fatwa ini terdiri dari pendapat-pendapat para ulama silam dan semasa

seperti Imam al-Juwainī, Imam al-Ghazālī, Imam al-Syātibī dan Syeikh Yusof al-Qaraḍāwī *rahimahumullāh*. Begitu juga ketetapan fatwa yang dikeluarkan oleh Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah. Semua mereka ini mengambil kira faktor memelihara *maṣlahah* dan menolak kemudaratan sebagai asas pengharusan pemungutan cukai.

- Kaedah-kaedah Fiqh yang dikemukakan merupakan kaedah yang berkaitan dengan memelihara *maqāṣid* Syari'ah. Kaedah-kaedah tersebut ialah:

- الْحَاجَةُ تَنْزِلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَةِ، عَامَّةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً
- مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

Fatwa 8: Meroboh Surau Dan Menjadikan Tanah Waqaf Bekas Surau Sebagai Tempat Letak Kereta Bagi Jemaah Masjid (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2020a).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu meroboh bangunan surau yang sudah lama dan tidak lagi digunakan, kemudian menjadikan tanah waqaf bekas tapak surau tersebut sebagai tempat letak kereta bagi jemaah masjid. Bagi menjawab persoalan ini, beliau memfatwakan bahawa melihat kepada situasi surau dan manfaat tanah waqaf yang dimaksudkan dalam isu ini, tanah waqaf tersebut harus diubah tujuan atau fungsinya.

Ketetapan hukum yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei dalam isu ini begitu nyata mengambil kira aspek memelihara *maqāṣid* Syari'ah. Ini dapat dilihat kepada pandangan Mufti Kerajaan Brunei dalam mengambil kira beberapa perkara berikut sebagai asas kepada fatwa yang diputuskan:

- Jika surau tersebut tidak dirobohkan perkara itu boleh mengundang kepada berlakunya perbuatan yang tidak bermoral dan bertentangan dengan hukum Syara'. Alasan ini jelas termasuk dalam perkara menolak kerosakan (دَرْءُ الْمَفَاسِدِ) dan selari dengan kaedah Syara' (سَدُّ الذَّرَائِعِ) iaitu menutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada kerosakan.
- Dengan menghidupkan semula tanah waqaf berkenaan menjadi tempat letak kereta serta lain-lain kemudahan yang berkaitan dengan masjid bererti perkara itu boleh menyuburkan semula ganjaran pahala kebajikan bagi pewaqaf selama mana benda yang diwaqafkan berterusan digunakan dan dimanfaatkan oleh orang ramai. Alasan ini jelas termasuk dalam perkara menjana maslahat (جَلْبُ الْمَصَالِحِ), maslahat kepada pewaqaf dan maslahat kepada orang ramai.

Fatwa 9: Melakukan Kajian Ke Atas Human Genome Dan Human Cancer Genome (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2020).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu melakukan kajian ke atas *human genome* dan *human cancer genome*. Bagi menjawab persoalan ini, beliau memfatwakan bahawa kajian terhadap genom manusia merupakan usaha yang besar dan sangat diperlukan bagi menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Maka kajian ini adalah diharuskan. Dengan syarat kaedah atau cara yang digunakan dalam kajian tersebut tidak bertentangan dengan Syara' dan tidak akan mendatangkan mudarat kepada individu, masyarakat dan negara.

Ketetapan hukum yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei ini jelas mengambil kira sudut pandang *maqāṣid* Syari‘ah. Ini boleh diperhatikan melalui aspek-aspek berikut:

- Mufti Kerajaan Brunei menganggap bahawa kajian berkenaan sebagai usaha untuk memelihara salah satu *maqāṣid* Syari‘ah iaitu memelihara nyawa.
- Sebilangan hujjah yang dikemukakan berkaitan dengan tuntutan menghindarkan kemudaratan yang termasuk dalam kerangka memelihara *maqāṣid* Syari‘ah. Salah satunya terdiri dari Hadīth Nabi *ṣallallāhu ‘alaihi wasallam*: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ (Riwayat Ibn Mājah). Selain itu, hujjah-hujjah yang terdiri dari kaedah-kaedah Fiqh:

- دَرءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ
- إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوعِي أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِإِزْتِكَابِ أَحْفَمَهُمَا
- الضَّرَرُ يُرَالُ

Fatwa 10: Penghantaran Jemaah Haji Bagi Tahun 1441/2020 Dalam Situasi Pandemik Wabak Covid-19 (Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 2022b).

Mufti Kerajaan Brunei telah menerima persoalan mengenai isu penghantaran jemaah haji bagi tahun 1441/2020 dalam situasi dunia masih lagi menghadapi pandemik wabak Covid-19. Bagi menjawab persoalan ini, beliau memfatwakan bahawa penangguhan penghantaran jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1441/2020 adalah menepati kehendak Syara‘, berdasarkan berat sangkaan keadaan yang tidak selamat daripada penularan pandemik Covid-19 yang masih berleluasa, dan tidak dapat diketahui atau jangka bilakah ia akan berakhir.

Ketetapan hukum yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei dalam persoalan ini secara ketara mengambil kira sudut pandang *maqāṣid* Syari‘ah iaitu dari aspek memelihara maslahat. Ini dapat dilihat kepada penjelasan beliau tentang tanggungjawab pihak kerajaan dalam menjaga, mengawal dan mentadbir hal ehwal rakyat adalah berdasarkan maslahat atau kebajikan mereka selaras dengan kaedah Fiqh (تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ). Maslahat yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah tanggungjawab kerajaan dalam mencegah dan membendung daripada jangkitan wabak Covid-19 ke atas rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam secara umumnya. Memelihara maslahat ini bermakna memelihara *maqāṣid* Syari‘ah yang lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta daripada terjejas oleh jangkitan virus Covid-19.

RUMUSAN

Apa yang dapat dirumuskan di sini, berdasarkan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Brunei yang telah dihuraikan, jelas beliau turut mengambil kira *maqāṣid* Syari‘ah dalam menetapkan suatu hukum atau fatwa. Pengaplikasian *maqāṣid* Syari‘ah dalam fatwa-fatwa beliau boleh diperhatikan dari beberapa sudut berikut:

- Menjadikan maslahat umum (المَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ) sebagai keutamaan berbanding masalahat khusus (المَصْلَحَةُ الْخَاصَّةُ) sebagai pertimbangan dan asas dalam penetapan fatwa.
- Penggunaan dalil-dalil dan kaedah-kaedah Fiqh yang berkaitan dengan memelihara *maqāṣid* Syari'ah, iaitu yang berkaitan dengan tuntutan mendatangkan kemaslahatan, menolak kemudaratan dan menafikan kesulitan.
- Mengambil kira kewajipan memelihara *maqāṣid* Syari'ah yang lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
- Berlaku perubahan ketetapan hukum dalam setengah fatwa atas faktor-faktor tertentu selaras dengan kaedah: (تَغْيِيرُ الْفَتْوَى بِتَغْيِيرِ الزَّمَانِ وَالْمَكَانِ وَالْحَالِ)
- Berhujjah dengan kaedah (سَدُّ الدَّرِيْعَةِ) yang merupakan antara dalil-dalil *al-taba'iyah* atau yang tidak disepakati oleh para ulama tentang kehujjahannya. Kaedah ini merupakan antara asas yang penting dalam memelihara pelbagai masalahat dan menolak kerosakan.
- Mengambil kira pendapat-pendapat para ulama silam dan semasa yang menjadikan faktor memelihara *maṣlahah* dan menolak kemudaratan sebagai asas atau hujjah dalam penetapan hukum.
- Mengambil kira sudut pandang Fiqh *al-wāqi'* dalam membuat pertimbangan dan ketetapan fatwa yang merupakan antara elemen yang penting dalam kerja-kerja *ijtihād* dan *istinbāt* dalam kerangka memelihara *maqāṣid* Syari'ah.

KESIMPULAN

Aplikasi *maqāṣid* Syari'ah dalam bidang kefatwaan di Negara Brunei Darussalam, dari sudut dasar penetapan fatwa jelas dasar tersebut mengambil kira *maqāṣid* Syari'ah dalam penetapan hukum atau fatwa. Ini dapat diperhati dari garis panduan penetapan fatwa yang ada. Dari sudut amalnya, analisis menunjukkan bahawa Mufti Kerajaan Brunei jelas turut mengambil kira *maqāṣid* Syari'ah dalam penetapan suatu fatwa. Analisis juga menunjukkan bahawa dasar penetapan fatwa di Negara Brunei Darussalam yang digunapakai dalam membuat pertimbangan dan penetapan suatu fatwa boleh dikatakan sebagai hasil cetusan pemikiran para penggubal dasar dan *mujtahid* yang memiliki pola pemikiran *maqāṣidī*, iaitu pemikiran yang menghasratkan supaya fatwa yang akan dihasilkan selaras dengan kerangka *maqāṣid* Syari'ah.

PENGHARGAAN DAN PERAKUAN

Kertas ini adalah merupakan sebahagian dari hasil penyelidikan yang menggunakan dana penyelidikan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Tajuk Penyelidikan: **Memperkasa Mekanisme Istinbāt Dalam Mazhab Syafi'i Dalam Mendepani Cabaran Kepelbagaian Asean (Unity And Diversity Of Asean). 2022-2023.**

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm.

- Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004, Bahagian I, perkara 2. Tafsiran. Diakses dari:
http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LOB/cons_doc/dokumen-dokumen_perlembagaan_2008.pdf, pada 06 Oktober, 2020.
- Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz. (2013a). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2011*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2013b). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2012*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2014). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2013*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2015). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2014*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2016). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2015*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2017). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2016*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2018). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2017*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2020a). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2018*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2020b). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2019*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- _____. (2022). *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2020*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.
- Haji Japar bin Mat Dain @Maidin. (2011). “Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun 1962-2006.” Tesis Ijazah Doktor Falsafah Syariah, Jabatan Fiqh Dan Uşul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibn Mājah, Abū Abdullah bin Yazīd. (1435/2014). *Al-Sunan*. Kaherah: Dār al-Ta’sīl. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. (2015). Penubuhan Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam. Diakses dari:
<https://www.mufti.gov.bn/SitePages/Penubuhan.aspx>, pada 7/11/2022.
- Al-Masāṭī, Abduşamad, Dr.. (2020, Mac 10). Al-Fikr al-Maqāşidī: Mafh ū muh wa Ḍarūratuh wa Muqawwimātuh. *Manar al-Islam*. h. 6. Diakses dari: <https://www.islamamar.com>, pada 20/12/2021.
- Nasībah Mustafa al-Bughā, Dr. (1433/2012). *Al-Siyāsah al-Syar’iyyah wa Atharuhā fī al-Hukm al-Syar’ī al-Taklīfī*. Syria: Dār al-Nawādir.
- Negara Brunei Darussalam. (1956). *Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77*. Bab 43 (1).